

HAB TRANSIT DADAH

'Columbia' rantau Asia



Bersama
Dr Muhammad
Ashraf Fauzi

N

egara digemparkan dengan rampasan dadah terbesar dalam sejarah negara di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Dadah jenis kokain yang dirampas dalam bentuk arang dianggarkan bernilai RM2.4 bilion.

Taktik penyeludupan menggunakan arang adalah taktik sangat licik yang berupaya mengelak daripada dikesan anjing pengesan polis.

Namun, pujan perlu diberikan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mampu menamatkan penyeludupan dadah terbesar ini melalui penyisiran dan penyempurnaan yang dijalankan.

Rampasan ini sangat signifikan kerana ia berlaku di pintu masuk negara melalui pelabuhan Terminal Kargo Utara Butterworth.

Pelabuhan ini antara pintu masuk utama ke dalam negara di samping menjadi transit sebelah dadah ini diagihkan kepada pedagang di dalam negara atau di rantau Asia Tenggara.

Kegiatan ini menimbulkan persoalan adakah Malaysia menjadi transit atau hab untuk pengedaran dadah di Asia Tenggara?

Ia begitu sinonim seakan-akan Malaysia boleh dinobatkan sebagai 'Columbia Asia' yang menjarai pengedaran dadah di rantau Amerika Selatan.

Walaupun kes rampasan RM2.4 bilion ini kes terbesar setakat ini, ia bukan kes pertama membatalkan nilai rampasan memecah jutaan ringgit.

Pada Julai saja, dua kes berasingan dipaparkan PDRM Johor dengan merampas 30.2 kilogram pelbagai jenis dadah bernilai RM1.75 juta dalam empat serban sekitar Muar.

Kes kedua pada bulan sama menyaksikan PDRM menumpaskan *kingpin* pengedar dadah sekitar Ibu negara dan Johor dengan nilai rampasan lebih RM6 juta.

Rampasan termasuk syabu seberat 64.5kg, ketamin (2.7kg) dan 77,500 pill ekstasi.

Manakala pada 5 September lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama polis Kontinjen Kelantan merampas 700,000 pill kuda bernilai RM10.5 juta dalam



KOKAIN berbentuk arang bernilai RM2.4 bilion yang dirampas.

Op Tapan.

Modus operandi pengedar dadah semakin kreatif dengan menggunakan pelbagai taktik bagi mengaburi pihak berkuasa.

Oleh yang demikian, pihak berkuasa harus mempertingkatkan usaha penyisiran dan pemeriksaan di pintu masuk pelabuhan dan sempadan negara.

Pihak berkuasa harus lebih inovatif dan ke hadapan berbanding taktik token dadah ini.

Antara pintu masuk negara yang menjadi sasaran pengedar ini adalah di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Butterworth.

Manakala melalui jalan darat, pintu masuk seperti Rantau Panjang, Kelantan dan Bukit Kayu Hitam, Kedah menjadi pintu masuk utama pengedar dadah dari negara sempadan.

Kewujudan jalan tikus menyulitkan operasi pihak berkuasa dan membolehkan

pengedar kecil ini meloloskan diri.

Berdasarkan kajian daripada *Bloomberg News*, Columbia adalah negara pengeluar kokain terbesar dunia.

Jika tiada tindakan sewajarnya diambil, Malaysia berkemungkinan ditabalkan sebagai 'Columbia Asia' sebagai hab peyberan dan transit dadah di rantau ini.

Kedudukan strategik negara yang menjadi laluan kapal ke Laut China Selatan dan Selat Melaka menjadi tarikan pengedar antarabangsa bagi mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit.

Di Columbia, nama besar dalam sejarah dadah seperti Pablo Escobar dan Jose Rodriguez Gacha adalah individu yang sangat berkuasa dalam pengedaran dadah dan mempunyai empayar mereka tersendiri.

Usaha mengesan dan menangkap dadah utama di sebelah dadah dalam negara ini harus dijalankan dan siasatan

harus menjurus kepada mencari *kingpin* atau jerung dadah dan bukannya pengedaran janaan semata-mata.

Pada ketika ini harga kokain di pasaran gelap di Amerika Syarikat dianggarkan bernilai AS\$50,000 untuk satu kilogram.

Dengan harga seperti sedemikian, sudah pasti ramai pengedar dadah yang masih tidak serik untuk menjalankan aktiviti haram ini.

Bagi mengekang peningkatan pengedaran dan rangkaian antarabangsa ini, negara harus mempunyai pelan tindakan komprehensif dan holistik bagi menangkap dan mengekang aliran masuk dadah ke dalam negara.

Slogan 'dadah musuh nombor satu negara' harus diperhebatkan kepada seluruh masyarakat di semua peringkat umur.

Jika Malaysia menjadi *mayshur* sebagai pusat peyberan dadah ia sama sekali akan menjejaskan reputasi dan kedaulatan negara.

Amat memalukan jika Malaysia dikenali sebagai pusat peyberan dan transit dadah di Asia. Kesannya akan terpalit kepada ekonomi kita yang akan pasti merudum.

Antara contoh yang boleh diiktiraf Malaysia adalah tindakan dilakukan Presiden Filipina, Rodrigo Duterte yang mengisytiharkan perang terhadap dadah.

Negara itu sudah menjatuhkan hukuman bunuh kepada lebih 6,900 pesalah pengedar dadah.

>> **Penulis Penserah Kanan, Fakihi Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang**

dialog kotaraya oleh juragan

